

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

HKN 101 – Puitika dan Konvensi Kesusasteraan Nusantara

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TUJUH [7]** soalan di dalam **DUA [2]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT [4]** soalan sahaja.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Sementara itu, puitika sastera Melayu tumbuh daripada bahasa, persekitaran dan falsafah bangsa itu. Kita akan bersalah sekiranya kita mengukurnya dengan ukuran Barat.

(Muhammad Haji Salleh)

Bincangkan pernyataan ini dalam konteks kepentingan kajian puitika Melayu dari sudut pemahaman terhadap sejarah dan budaya Melayu.

2. Konsep puitika sastera sangat mementingkan kajian terhadap unsur-unsur intrinsik yang membina hasil sastera itu. Bincangkan sejauhmanakah kebenaran pernyataan ini?
3. Pemerian sesuatu peristiwa dalam cerita lipurlara sering dibuat secara berlebih-lebihan. Berdasarkan contoh peristiwa-peristiwa yang bersesuaian, bincangkan kewajaran hal berkenaan dengan memperlihatkan tiga tujuan penutur cerita berbuat demikian.

4. Pantun dapat menggambarkan kebijaksanaan dan kehalusan bahasa masyarakat Melayu yang menggabungkan unsur-unsur keindahan luaran dan dalaman. Bincangkan.
5. Peristiwa Hang Tuah melarikan Tun Teja seperti tergambar dalam *Hikayat Hang Tuah* dapat ditafsirkan sebagai kisah yang terangkum dalam Sfera Indah dan juga Sfera Faedah mengikut sistem sfera fungsional yang dikemukakan oleh Braginsky. Bincangkan.
6. Salah satu tujuan utama penulisan karya sastera bercorak sejarah adalah memberi pengajaran moral kepada raja-raja dan pembesar negara dalam bentuk yang indah. Dengan contoh-contoh yang bersesuaian, bincangkan bagaimana tujuan moral dan keindahan ini dapat dilaksanakan oleh pengarang istana dengan sebaik-baiknya.
7. Menurut Braginsky, karya kerohanian berada pada tahap yang paling tinggi dalam sistem kesusasteraan Melayu. Dengan menyertakan lakaran ilustrasi sistem kesusasteraan Melayu, bincangkan pandangan ini.

-- oo000oo --